Teori tak tepat!

Panel forum tolak pandangan Melayu pendatang dari Taiwan, Yunan

Oleh Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my
Bangi

Pandangan sesetengah pihak termasuk ahli politik bahawa orang Melayu juga pendatang di negara ini perlu diperbetulkan kerana teori terbabit tidak disokong dengan bukti yang kukuh.

Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Prof Datuk Seri Dr Md Salleh Yaapar berkata, beliau masih kesal bahawa sehingga kini masih ada pihak yang menggunakan teori terbabit.

"Kita kena didik dan maklum kepada mereka mengenai sejarah asal dan sehingga kini juga terdapat pensyarah Melayu yang menjaja cerita bahawa orang Melayu berasal dari Taiwan.

"Bagaimana untuk memperbetulkan perkara ini ialah menerusi cara mengadakan ruang seperti forum. Namun, jika mereka sengaja menyebarkan teori yang tidak betul ini terutama ahli politik, seharusnya pemimpin mereka membetulkannya," katanya selepas menjadi ahli panel Forum Bicara Bestari Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) bertajuk 'Melayu Bukan Pendatang', di sini, semalam.

> **"Bagaimana untuk memperbetulkan perkara ini ialah menerusi cara mengadakan ruang seperti forum"**
> ***Dr Md Salleh Yaapar***

Dua lagi ahli panel dalam forum berkenaan ialah Felo Penyelidik Utama ATMA, UKM Prof Emeritus Datuk Dr Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Pengarah Penyelidikan Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (USM) Prof Madya Dr Zafarina Zainuddin manakala Pengarah ATMA Prof Dr Nor Hashimah Jalaluddin sebagai moderator.

Menerusi forum berkenaan, ketiga-tiga panel menegaskan penolakan terhadap teori Melayu pendatang dari Taiwan atau Yunan.

Perwakilan Gerakan dari Johor Tan Lai Soon semasa Persidangan Perwakilan Nasional parti itu pada 19 Oktober lalu, mencetuskan kontroversi apabila mendakwa orang Malaysia semuanya adalah pendatang, kecuali Orang Asli dan pribumi Sabah dan Sarawak.

Tan dilaporkan berkata, bukan hanya orang Cina dan India saja pendatang, tetapi orang Melayu juga bukan Bumiputera kerana mereka berhijrah dari Indonesia.

Md Salleh berkata pendapat yang menyebut Melayu berasal dari Taiwan itu, berdasarkan teori Out of Taiwan yang dipelopori oleh ahli arkeologi Australia, Peter Bellwood pada tahun 1998.

"Dulu ada teori mengatakan Melayu datang dari Yunan dan Taiwan tetapi teori itu tidak ada bukti yang kukuh, dan ia cuma kerana mereka melihat orang di Taiwan boleh menggunakan kata-kata Melayu dan disebabkan keadaan negara China yang luas. Teori itu tidak betul.

"Nama Melayu sudah ada pada abad kedua dan negeri yang menggunakan nama Melayu ada sekitar abad keempat dan kelima iaitu di Sumatera," katanya.